



PRINSIP AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

DISEDIAKAN OLEH: DR. AYMAN AL-AKITI
BERDASARKAN KAJIAN DR. KHALID ZAHRI AL-MAGHRIBI

قال الإمام الرملي في شرح المنهاج ج 8 ص 305: «والمبتدع من خالف في العقائد ما كان عليه أهل السنة مما كان عليه النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وأصحابه ومن بعدهم. والمراد بهم في الأزمنة المتأخرة إماماها **أبو الحسن الأشعري وأبو منصور الماتريدي** وأتباعهما»

وقال مرتضى الزبيدي في الفصل الثاني من مقدمة شرح كتاب قواعد العقائد من الإحياء ج 2 ص 6: «إذا أطلق أهل السنة والجماعة فالمراد بهم **الأشاعرة والماتريدية**. قال الخيالي في حاشيته على شرح العقائد: "الأشاعرة هم أهل السنة والجماعة. هذا هو المشهور في ديار خراسان والعراق والشام وأكثر الأقطار. وفي ديار ما وراء النهر يطلق ذلك على الماتريدية؛ أصحاب الإمام أبي منصور". اهـ. وقال الكستلي في حاشيته عليه: "المشهور من أهل السنة في ديار خراسان والعراق والشام وأكثر الأقطار هم الأشاعرة؛ أصحاب أبي الحسن الأشعري. أول من خالف أبا علي الجبائي ورجع عن مذهبه إلى السنة؛ أي طريق النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، والجماعة؛ أي طريقة الصحابة رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ. وفي ديار ما وراء النهر الماتريدية؛ أصحاب أبي منصور الماتريدي. وبين الطائفتين اختلاف في بعض الأصول كمسألة التكوين ومسألة الاستثناء ومسألة إيمان المقلد. والمحققون من الفريقين لا ينسب أحدهما الآخر إلى البدعة والضلالة." اهـ»

Berkata Syeikh Shamsu al-Din Muhammad al-Ramli (1004 H) dalam kitab *Sharh al-Minhaj*: “Ahli bidaah adalah orang yang menyalahi apa yang menjadi dasar pegangan Ahli Sunnah dalam akidah; iaitu apa yang menjadi dasar pegangan Nabi Muhammad ﷺ, para sahabatnya dan generasi setelahnya. Manakala yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah di masa-masa terakhir ini adalah kedua-dua Imam; Abu al-Hasan al-Ash`ari (324 H) dan Abu Mansur al-Maturidi (333 H) dan para pengikut kedua-dua imam tersebut”

Berkata al-`Allamah al-Sayyid Murtada al-Zabidi (1205 H) pada fasal kedua dari mukadimah syarah kitab *Qawa'id al-Aqa'id* dari kitab *Ihya' Ulum al-Din*: “Jika disebut lafaz “Ahli Sunnah Wal Jamaah” maka yang dimaksud adalah Asha`irah dan Maturidiyyah.”

Berkata Syeikh al-Khayali (870 H) di dalam *Hashiyyah*nya bagi *Sharh al-`Aqa'id al-Nasafiyyah*: “Asha`irah adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Inilah pendapat yang masyhur di daerah-daerah Khurasan, Iraq, Syam (Syria, Lebanon dan Jordan) dan majoriti penjuru negeri-negeri Islam. Sedangkan di daerah-daerah seberang sungai (Transoxiana) lafaz Ahli Sunnah Wal Jamaah disebut untuk Maturidiyyah, iaitu para sahabat (pengikut) Imam Abu Mansur.

Berkata Imam al-Kustul, (901 H) di dalam *Hashiyyah*nya bagi syarah yang sama: “Yang masyhur (difahami) dari (istilah) Ahli Sunnah Wal Jamaah di daerah-daerah Khurasan, Iraq, Syam dan majoriti penjuru negeri-negeri Islam lainnya adalah golongan Asha`irah; iaitu para sahabat (pengikut) Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari رَحِمَهُ اللهُ. Beliau merupakan orang pertama yang berbeza pandangan dengan Abu Ali al-Jubba'i (303 H) dan keluar dari mazhabnya, kembali kepada sunnah; iaitu jalan Nabi Muhammad ﷺ, dan kembali kepada jamaah; iaitu jalan para sahabat Baginda رَضِيَ اللهُ عَنْهُ. Manakala yang masyhur (difahami) dari (istilah itu) di daerah-daerah seberang sungai (Transoxiana) adalah Golongan Maturidiyyah; para sahabat Imam Abu Mansur al-Maturidi. Antara kedua-dua golongan ini ada sedikit perbezaan pendapat berkenaan beberapa masalah Usuluddin seperti masalah sifat *al-Takwin* (mencipta), masalah *al-Istithna'* (lafaz *in sha Allah* saya mukmin) dan masalah keimanan orang yang bertaklid. Namun para ulama Ahli Tahkik dari kedua-dua golongan ini tidak menisbahkan golongan yang satu lagi kepada bidaah dan sesat”.



TIGA KATEGORI CIRI MAZHAB ASY'ARI

Hal yang akan dinyatakan dalam kajian ini boleh jadi menjadi pegangan kesemua Asya'irah, atau pegangan sebahagian besar mereka, atau pegangan tokoh-tokoh tertentu dalam kalangan mereka. Oleh itu, ia dapat dibahagikan kepada 3 kategori.



CIRI-CIRI UMUM

- Hal-hal yang membezakan mazhab Asy'ari dari mazhab-mazhab lain.
- Hal-hal yang menjadi titik persamaan kesemua Asya'irah tidak kira di mana sahaja mereka berada dan pada bila-bila masa sahaja.
- Ia merangkumi ijmak-ijmak Ahlussunnah Wal Jamaah dalam masalah akidah seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Dhiya' al-Din Abu al-Najib Abdul Qahir Bin Abdillah al-Suhrawardi al-Syafie (w.563H/1168M) dalam karya beliau.



CIRI-CIRI KHUSUS


- Hal-hal yang menjadi titik persamaan majoriti Asya'irah, atau bagi kebanyakan dari kalangan mereka.
- Ciri-ciri yang menjadi keistimewaan Asya'irah di tempat atau daerah yang tertentu. Contohnya, mazhab Asy'ari di Maghribi mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang tidak terdapat di Andalus dan di Timur dunia Islam. Sepertimana mazhab Asy'ari di Andalus atau di Timur dunia Islam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri yang tidak terdapat di tempat lain.
- Ciri-ciri yang menjadi keistimewaan Asya'irah pada tempoh waktu tertentu. Seperti ciri-ciri yang hanya terdapat pada zaman pemerintahan dinasti Muwahhidin, tetapi tidak terdapat pada zaman Mariniyyin, Watthasiyyin dan zaman-zaman lain.



CIRI-CIRI SEPARA

- Yang dimaksudkan dengan ciri-ciri separa di sini adalah “ikhtiyarat kalamiyyah” atau ijtihad-ijtihad ilmu kalam yang menjadi pegangan beberapa tokoh ilmu kalam Asy’ari dan membentuk pemikiran akidah mereka.

BAHAGIAN PERTAMA: CIRI-CIRI UMUM MAZHAB ASY'ARI



The background is a dark blue gradient. It features several faint, light blue circular patterns. On the left side, there is a large circular scale with numerical markings from 140 to 260 in increments of 10. Other smaller circular patterns with arrows are scattered across the background. A thin green rectangular border frames the text on the right side of the image.

FASAL PERTAMA: CIRI-CIRI UMUM YANG MENYENTUH ISI AKIDAH

1

MEMBAHAGIKAN JALAN PEMBUKTIAN (ISTIDLAL) KEPADA 4 JALAN



PERTAMA

MEMBUKTIKAN
KEWUJUDAN
YANG QADIM
DENGAN
BERDALILKAN
PERKARA
YANG QADIM



KEDUA

MEMBUKTIKAN
KEWUJUDAN
YANG
BAHARU
DENGAN
BERDALILKAN
PERKARA
YANG
BAHARU



KETIGA

MEMBUKTIKAN
KEWUJUDAN
YANG QADIM
DENGAN
BERDALILKAN
PERKARA
YANG
BAHARU



KEEMPAT

MEMBUKTIKAN
KEWUJUDAN
YANG
BAHARU
DENGAN
BERDALILKAN
PERKARA
YANG QADIM

FASAL 1: CIRI YANG MENYENTUH ISI AKIDAH



CONTOH PERTAMA

Allah Taala membuktikan bahawa Dia Maha Mendengar dan Maha Melihat dengan berdalilkan firmanNya:

وهو السميع العليم



CONTOH KEDUA

Membuktikan bahawa jauhah adalah perkara baharu dengan berdalilkan 'aradh yang bersifat baharu



CONTOH KETIGA

Membuktikan kewujudan Allah Taala yang qadim dengan berdalilkan jauhah dan 'aradh yang mana kedua-duanya adalah baharu



CONTOH KEEMPAT

Ini adalah jalan para sufi seperti yang didapati pada kata-kata Imam Ibn 'Athoillah al-Sakandari dalam bahagian munajat dari kitab al-Hikam

FASAL 1: CIRIYANG MENYENTUH ISI AKIDAH

إلهي! كيف يُستدل عليك بما هو في وجوده مفقود إليك؟! أليكون لغيرك من الظهور ما ليس لك حتى يكون هو المظهر لك؟! متى غبت حتى تحتاج إلى دليل يدل عليك؟! ومتى بعدت حتى تكون الآثار هي التي توصل إليك؟

“Tuhanku, bagaimanakah kewujudanMu dibuktikan dengan sesuatu yang memerlukan Mu untuk wujud?! Adakah yang selainMu itu mempunyai kezahiran yang tidak ada pada Mu sehingga dia menjadi penzahir diriMu?! Bilakah Engkau menghilang sampaikan Engkau memerlukan petunjuk yang menunjukkan kepada kewujudanMu?! Bilakah Engkau menjauh sehingga makhluk-makhluk yang merupakan tanda kekuasaanMu menjadi penyampai kepadaMu?”

al-Hikam (dalam Iqaz al-Himam Fi Syarh al-Hikam, Ibn Ajibah, Dar Fikr), 434.

4 jalan pembuktian ini banyak digunapakai dalam perbahasan-perbahasan akidah, seperti perbahasan pujian (الثناء) yang dijelaskan oleh Syeikh Said Bin Abdil Rahman al-Wajhani dalam Syarh Zat al-Barahin. Beliau berkata:

وقوله "هو الثناء" جنس في الحد، يشمل ثمانية أفراد: أربعة من المحامد، وهي قسمان قديمان، وقسمان حادثان:

فالقسمان القديمان:

- من قديم إلى قديم، كقوله تعالى: ﴿نعم المولى ونعم النصير﴾ الأنفال: 40
- والقسم الثاني: من قديم إلى حادث، كقوله تعالى: ﴿نعم العبد إنه أواب﴾ ص: 30 والقسمان الحادثان:
- من حادث إلى حادث، كقولنا لبعضنا: "نعم فلان عالم"، و"نعم فلان كريم"، إلى غير ذلك.
- والقسم الرابع: من حادث إلى قديم، كقولنا: "الحمد لله"

IMAN, MAKRIFAH DAN NAZHAR



IMAN

- Makna iman di sisi Asya'irah adalah membenarkan dengan hati semata-mata.
- Mengungkapkan kalimah syahadah hanyalah syarat untuk membolehkan hukum-hakam syariat Islam dilaksanakan ke atas orang tersebut. Ia bukanlah syarat sah iman.
- Dengan erti: orang yang telah membenarkan dengan hatinya bahawa Allah adalah Tuhan dan Sayyidina Muhammad adalah Rasul, tetapi dia tidak mengucapkan kalimah syahadah secara kebetulan, bukan kerana enggan apabila disuruh, maka dia adalah seorang mukmin yang selamat di akhirat. Manakala di dunia, dia tidak dikebumikan di perkuburan Islam dan tidak dilaksanakan apa-apa hukum-hakam syariat keatasnya.

IMAN

- Iman boleh juga disebut bagi pengucapan kalimah syahadah dan amal perbuatan tubuh badan atas dasar:
 - Menamakan perkara yang disyarati (مشروط) dengan nama syarat.
 - Menamakan dalil dengan nama madlul.
 - Menamakan akibat (مسبب) dengan nama sebab.

MAKRIFAH

- Makrifah merupakan syarat sah iman kerana yang dituntut dalam iman adalah keyakinan (الجزم) yang bertepatan dengan realiti (الواقع) yang didapati melalui bukti (دليل).
- Terkeluar dari kategori yakin (الجزم) perkara yang berikut:
 - Zhan iaitu andaian yang kuat.
 - Syak iaitu persamaan dua andaian.
 - Waham iaitu andaian yang marjuh.
- Ketiga-tiga kategori ini tidak terpakai dalam akidah berdasarkan ijmak Asya'irah.

NAZHAR

- Nazhar merupakan syarat sah makrifah kerana dengannya seseorang dapat keluar dari daerah taqlid yang terjadi perbezaan pendapat ulama' berkenaan kesahihan iman orang yang bertaqlid.
- Dengan nazhar seseorang dapat mencapai makrifah yang telah disepakati kesahihan iman orang yang beriman atas jalan makrifah.
- Nazhar yang dimaksudkan di sini bukanlah nazhar tafsili seperti yang dilakukan oleh para mutakallimun, sebaliknya yang dimaksudkan adalah nazor ijmalī seperti kata-kata a'rabi:

"البصرة تدل على البعير وأثار الأقدام تدل على المسير. فسماء ذات أبراج وأرض ذات فجاج وبحور ذات أمواج... ألا تدل على اللطيف الخبير؟!"

SIFAT-SIFAT ILAHIYYAH

PEMBAHAGIAN SIFAT ILAHIYYAH DI SISI ASYA'IRAH

NAFSIYYAH

Wujud

SALBIYYAH

Qidam
Baqa'
Mukhalafatuhu Lil
Hawadis
Qiyamuhu
Binafsih
Wahdaniyyah

MA'ANI

Qudrah
Iradah
Ilm
Hayah
Sama'
Basor
Kalam

MA'NAWIYYAH

Kaunuhu Qadiran
Kaunuhu Muridan
Kaunuhu Aliman
Kaunuhu Hayyan
Kaunuhu Sami'an'
Kaunuhu Basiran
Kaunuhu
Mutakalliman

FASAL 1: CIRIYANG MENYENTUH ISI AKIDAH

Secara zahir didapati terdapat khilaf antara Asya'irah dalam menetapkan sifat ma'nawiyyah, namun hakikatnya mereka semua bersetuju dengan sifat tersebut. Ini kerana:

- Asya'irah yang menetapkan 7 sifat ma'nawiyyah berpendapat sedemikian kerana sifat-sifat ini adalah ahwal (الأحوال), ahwal ini adalah sifat yang berbeza dengan sifat ma'ani. Maka ia mestilah ditetapkan sebagai sifat.
- Asya'irah yang tidak menetapkan 7 sifat ma'nawiyyah pula berpendapat bahawa ahwal adalah umur i'tibariyyah (أُمُور اعتبارية), ia hanya difahami di dalam fikiran, namun tidak pada realiti.

Kesimpulannya, ulama' yang menetapkan ahwal mengatakan bahawa sifat ma'nawiyyah adalah sifat, sepertimana sifat ma'ni juga sifat. Manakala ulama' yang menolak ahwal pula tidaklah menolak makna yang difahami dari sifat-sifat ma'nawiyyah ini. Tetapi ,mereka berpendapat ia tidak perlu dinyatakan sebagai sifat kerana ia hanyalah umur i'tibariyyah dan idhafiyyah sahaja.

SIFAT-SIFAT KESEMPURNAANTUHAN

- Asya'irah beriktikad bahawa segala sifat kesempurnaan adalah wajib bagi Allah.
- Sifat-sifat kesempurnaan ini tidak terbatas.
- Wajib tanzih Allah dari kesemua lawan bagi sifat-sifat ini yang mustahil bagiNya.
- Sifat-sifat kesempurnaan Allah yang dapat kita buktikan dengan dalil akal dan naql hanya 20 sifat sahaja.
- 20 sifat ini wajib diketahui secara terperinci (تفصيل). Manakala kesemua sifat kesempurnaan yang selebihnya yang wajib bagi Allah namun kita tidak dapat mengetahuinya kerana ketiadaan dalil; maka kita beriman dengannya secara umum (إجمال)

ALLAHTAALA MENJADIKAN SEMUA PERKARA DENGAN KEHENDAK DAN KETENTUANNYA

- Semua perkara yang wujud (selain Allah) pada asalnya boleh jadi wujud dan boleh jadi tidak wujud, boleh jadi ia wujud dengan saiz ukuran, kadar, dan sifatnya ketika ini dan boleh jadi juga ia wujud dengan saiz, kadar, dan sifat yang lain.
- Oleh itu, yang menentukan kewujudan atau ketiadaan hal itu dan yang menentukan kadar, ukuran serta sifatnya jika ia wujud; adalah Allah Taala berdasarkan kehendakNya yang didasari ilmuNya yang azali.
- Pengingkaran terhadap hakikat ini akan membawa kepada penolakan sifat qudrah dan iradah yang azali, dan membawa kepada kepercayaan bahawa alam ini qadim. Kepercayaan ini akan menyebabkan salah satu dari 3 hal yang terlarang.

KEPERCAYAAN ALAM QADIM MEMBAWA KEPADA

PENCIPTAAN BERDASARKAN 'ILLAH

- Dengan erti sesuatu perkara wujud kerana ada perkara yang lain tanpa perlu bergantung kepada kehendak perkara lain itu serta tanpa perlu bergantung kepada syarat dan mawani' (موانع)

PENCIPTAAN SECARA TABII

- Dengan erti sesuatu perkara wujud kerana ada perkara yang lain tanpa perlu bergantung kepada kehendak perkara lain itu. Namun kewujudannya bergantung kepada syarat dan mawani' (موانع)

PENCIPTAAN MELALUI QUWWAH MUDA'AH

- Iaitu kekuatan yang dijadikan oleh Allah dalam diri makhluk. Dengannya makhluk dapat mewujudkan hal lain dan memberi kesan kepada perkara lain. Jika ia dicabut dari diri makhluk maka dia tidak dapat mewujudkan apa-apa.

FASAL 1: CIRIYANG MENYENTUH ISI AKIDAH

- Perbezaan 'illah dan thabi'ah adalah pada keperluan kepada syarat dan mawani'. 'Illah tidak bergantung kepada kedua hal ini manakala thabi'ah bergantung kepada kedua-duanya.
- 'Illah yang disebut oleh ahli sunnah dalam penulisan mereka bukanlah dengan erti yang dikatakan oleh ahli falsafah ini. Sebaliknya, ia bererti talazum (تلازم) antara dua perkara sama ada luzum tersebut dari segi akal, syara' atau adat.
- Walaupun orang yang berpegang dengan pendapat ketiga mengatakan quwwah muda'ah dijadikan oleh Allah, tetapi alasannya ini tidak dapat mengeluarkannya dari kebatilan. Kerana jika ada sebahagian perkara yang hanya dapat terjadi dengan perantaraan quwwah muda'ah, maka ini bererti Allah perlu kepada perantaraan quwwah tersebut untuk menjadikan perkara itu. Ini menunjukkan kelemahan dan keperluan kepada yang lain.

ALLAH TAALA MENJADIKAN SEMUA PERBUATAN PARA HAMBA

JABARIYYAH

- Semua perbuatan hamba terjadi dengan qudrah Allah sahaja
- Tidak ada qudrah yang baharu bagi makhluk


ASY'ARIYYAH

- Semua perbuatan hamba terjadi dengan qudrah Allah
- Perbuatan ikhtiyari makhluk disertai qudrah yang baharu, tanpa memberi kesan mewujudkan hal yang lain sama ada secara mubasyarah atau tawallud

QADARIYYAH
MU'TAZILAH

- Semua perbuatan ikhtiyari terjadi dengan yang baharu sahaja
- Ia terjadi secara mubasyarah (مباشرة) atau tawallud (تولد)

TEORI KASB DI SISI ASYA'IRAH



FASAL 1: CIRIYANG MENYENTUH ISI AKIDAH

- Hamba; zahirnya merdeka batinnya terpaksa (مجبور في قالب مختار).
- Hamba terpaksa kerana semua yang terjadi bukan dengan kuasanya. Dia bagaikan bekas bagi curahan hawadis dan a'radh. Allah Taala menjadikan pada dirinya apa yang Allah kehendaki. Tidak ada yang mencegahNya, tiada yang membantu, tiada yang menasihati dan tiada juga menjadi pengganti (وزير) (ووكيل) bagi mencipta perbuatan hambaNya.
- Hamba merdeka kerana sunnatullah dalam kehidupan dunia ini adalah Allah akan menjadikan perbuatan yang disukai dan menjadi kecenderungan hamba tersebut, Dia tidak menjadikan perbuatan yang dibenci hamba tersebut. Dia hanya menjadikan perbuatan hamba tersebut apabila keazaman, kehendak dan tekad hamba itu membulat.
- Oleh itu, secara zahirnya hamba tersebut bebas dan berkuasa melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan, namun secara batin semuanya terjadi dengan kuasa Allah.

TIDAK WAJIB KE ATAS ALLAH TAALA MELAKUKAN SESUATU PERKARA PUN

Secara akal, Allah Taala tidak wajib memberi ganjaran pahala kepada hamba yang taat dan tidak wajib memberi balasan seksa kepada hamba yang derhaka. Dia adalah Raja yang berhak melakukan apa-apa sahaja. Semua kebaikan yang dijadikan kepada hamba adalah dari kepermurahanNya. Semua keburukan yang menimpa hamba adalah dari keadilanNya.

Imam al-Bakki al-Kumi berkata:

"فجميع ما فعل ممل فيه لطف بعبد فمحض فضل وكرم وإحسان منه إليه، وما فيه من تعذيب أو ابتلاء أو تضيق فمحض عدل منه إليه. ولو شاء لعكس."

FASAL 1: CIRIYANG MENYENTUH ISI AKIDAH

"ومن الجائزات خلق الأعمال. إذ لا يجب على الله تعالى فعل ولا يتحتم عليه ثواب ولا عقاب. فالثواب منه فضل والعقاب منه عدل. يخص من يشاء بما شاء. لا يسأل عما يفعل وهم يسألون."

"Antara perkara yang harus (bagi Allah) adalah menjadikan amalan-amalan para hamba; kerana tiada perbuatan yang wajib ke atas Allah. Tiada kewajipan memberikan ganjaran pahala dan balasan dosa. Maka, ganjaran pahala dariNya adalah suatu pemberian manakala balasan dosa adalah satu bentuk keadilan. Dia memberikan kepada sesiapa yang Dia kehendaki apa-apa sahaja yang Dia kehendaki. Dia tidak ditanya sedangkan merekalah (para hamba) yang akan ditanya (segala perbuatan mereka).

- البرهانية للإمام أبي عمرو عثمان السلاحي.

AMALAN HAMBA BUKANLAH 'ILLAH YANG MEWAJIBKAN DOSA DAN PAHALA KEATASNYA

Ini berdasarkan hadis-hadis seperti:

- اعملوا فكل ميسر لما خلق له [رواه البخاري والترمذي]
- لن يدخل الجنة أحد بعمله. قالوا: ولا أنت يا رسول الله؟ قال: ولا أنا، إلا أن يغمدني الله برحمته

Imam al-Bakki al-Kumi berkata: "Iktikad ini merupakan salah satu perkara yang disepakati oleh Ahlussunnah..... Kesimpulannya, kata-kata syarak telah sepakat menyatakan bahawa bergantung harap kepada amalan merupakan syirik khafi (شكر خفي). Kalaulah amalan merupakan illah yang mewajibkan pahala nescaya bergantung harap kepada amalan merupakan suatu perkara yang wajib. Perkara yang wajib sudah pasti tidak dituntut agar ditinggalkan, sedangkan syirik adalah perkara yang dituntut agar ditinggalkan.

ALLAH TAALA TIDAK MENJADIKAN SESUATU KERANA TUJUAN

Tujuan yang dimaksudkan di sini adalah: "sebab yang dikehendaki oleh pencipta disebalik ciptaannya kerana sebab tersebut dapat memberikan kesempurnaan kepada dirinya atau dapat mencegah kekurangan dari dirinya."

Tujuan seperti ini jelas mustahil bagi Allah Taala kerana ia menyebabkan Allah memerlukan perkara lain untuk menjadi sempurna atau untuk mencegah kekurangan dariNya.

Tujuan dengan erti hikmah bukanlah perkara yang mustahil, iaitu: "sesuatu hal yang terdapat disebalik ciptaan atau hukum yang dijadikan."

Bahkan semua yang Allah Taala jadikan pasti mempunyai hikmah disebaliknya walaupun akal kita tidak dapat mengetahuinya.

Sifat-sifat Allah di sisi Asya'irah dapat dibahagikan kepada 2 bahagian:
Pertama: sifat Istighna' (صفات الاستغناء): di bawah kategori ini ada 14 perkara yang harus diimani sesuai susunan dan perincian yang akan dinyatakan. Lawannya 10 perkara yang mustahil. Jumlah kesemuanya 28.

Kedua: sifat Iftiqar (صفات الافتقار): di bawah kategori ini ada 11 perkara yang harus diimani. Lawannya 11 perkara juga. Jumlah kesemuanya 22. Maka, jumlah kesemuanya: 50.

Akidah berkaitan rasul ada 8 perkara seperti yang akan dinyatakan. Berbaki lagi 8 perkara yang akan disebut. Jumlahnya 16.

Maka jumlah kesemuanya: 66.

SIFAT ISTIGHNA'

1. Wujud
2. Qidam
3. baqa,'
4. Mukhalafatuhu lil hawadis
5. Qiyamuhu binafsihi
6. Sama'
7. Basor
8. Kalam
9. Kaunuhu Sami'an
10. Kaunuhu Basiran
11. Kaunuhu Mutakalliman
12. Suci dari gharadh (غرض) pada semua perbuatanNya
13. Suci dari gharadh (غرض) pada semua hukumNya
14. Tidak wajib ke atasNya menjadikan perkara yang harus atau meniadakannya

Lawan bagi 14
perkara ini

SIFAT IFTIQAR

1. Hayah
2. Qudrah
3. Iradah
4. Ilm
5. Kaunuhu Hayyan
6. Kaunuhu Qadiran
7. Kaunuhu Muridan
8. Kaunuhu Aliman
9. Wahdaniyyah
10. Baharu alam
11. Menafikan bahawa makhluk dapat memberi kesan dengan quwwah muda'ah

Lawan bagi 11 perkara ini

AKIDAH BERKAITAN NABI

1. Sidq
2. Amanah
3. Tabligh
4. Harus bersifat dengan sifat-sifat manusia biasa

Lawan bagi 4 perkara ini

PERKARA BERBAKI

1. Beriman dengan semua para Nabi
2. Beriman dengan para malaikat
3. Beriman dengan kitab-kitab
4. Beriman dengan hari akhirat

Lawan bagi 4 perkara ini

IMAN BERTAMBAH DAN BERKURANG

- Di sisi Asya'irah, Iman tidak bertambah dan tidak berkurang.
- Ini kerana iman adalah sifat yang tidak boleh dibahagi-bahagikan.
- Jika ia boleh dibahagikan dan boleh berkurang sudah pasti lawan iman akan menggantikan bahagian yang berkurang tersebut.
- Lawan iman adalah kufur. Ini bererti iman dan kekufuran boleh berada dalam diri seseorang pada satu masa. Hal ini jelas mustahil.
- Jika hal ini mustahil, maka mustahil juga untuk berlaku penambahan dan pengurangan iman.
- Ulama' yang mengatakan iman bertambah dan berkurang bermaksud bahawa penambahan dan pengurangan boleh berlaku pada kata-kata dan amalan yang merupakan iman secara majazi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

- Iaitu dengan mengatakan “saya seorang mukmin insha Allah”.
- Keharusan kata-kata ini adalah pendapat Asya’irah. Manakala Maturidiyyah pula berpendapat kata-kata ini tidak boleh diungkapkan. Sepatutnya orang tersebut berkata “saya seorang mukmin secara pasti”.
- Perbezaan pendapat ini hanyalah perbezaan secara lafaz (خلاف لفظي) kerana Asya’irah melihat penghujung hidup orang itu yang hanya diketahui oleh Allah.
- Maturidiyyah melihat keadaan mukmin pada masa kata-kata tersebut diungkapkan yang sudah pasti beriman. Jika tidak, maka dia seorang yang syak dan kafir. Jika dia tidak syak, bahkan yakin dengan keimanannya, maka tidak sepatutnya untuk menggantungkan keimanannya sebegitu walaupun hanya untuk bertabarruk dengan kata “insha Allah” kerana ia memberikan sangkaan buruk bahawa dia seorang yang syak.

- Ini adalah masalah khilaf antara Asya'irah dan Maturidiyyah. Asya'irah mengatakan "orang yang sengsara tidak akan bahagia selamanya, orang yang bahagia tidak akan sengsara selamanya". Maturidiyyah pula berkata "orang yang bahagia boleh sengsara, orang yang sengsara boleh bahagia".
- Khilaf ini hanyalah secara lafaz kerana Maturidiyyah melihat keadaan hamba sekarang ini yang boleh berubah-ubah. Orang yang beriman boleh jadi murtad, orang yang kafir boleh jadi beriman.
- Asya'irah pula meliaht kepada kebahagiaan di akhirat yang hanya diketahui oleh Allah Taala. Antara dalil mereka, hadis Nabi SAW:

السعيد من سعد في بطن أمه، والشقي من شقي في بطن أمه.
وإن أحدكم ليعمل بعمل أهل الجنة حتى لم يبق بينه وبينها إلا شبر، فيسبق عليه الكتاب، فيعمل بعمل أهل النار ... الحديث

- Imam Ibn Juzay menyatakan bahawa istilah baik dan buruk boleh digunakan untuk 3 makna:
 - Baik adalah hal yang bertepatan dengan tabiat dan tujuan, buruk lawannya
 - Baik adalah sifat kesempurnaan maanakala buruk sifat kekurangan
 - Baik adalah hal yang dipuji oleh Allah, buruk yang dikeji dan diberi balasan
- Dua makna yang awal dinyatakan ini telah disepakati bahawa kedua-duanya tidak bergantung kepada pemberitahuan dari syarak.
- Makna yang ketiga pula tidak dapat diketahui melainkan melalui jalan syara'. Inilah pendapat Asya'irah. Hal ini berbeza dengan pendapat Mu'tazilah yang mengatakan bahawa ia dapat diketahui dengan akal.

IMAMAH

WAJIB SECARA SYARA' BUKAN SECARA AKAL

- *Ini adalah pendapat mazhab Asy'ari*

WAJIB SECARA AKAL BUKAN SECARA SYARA'

- Ini pendapat mazhab, Imamiyyah, Ismailiyyah, Mu'tazilah dan Zaidiyyah

WAJIB SECARA AKAL DAN SYARA'

- Ini adalah pendapat al-Jahiz dan Abil Husain Muhammad Bin Ali al-Thoyyib al-Basri

The background of the slide is a dark blue color. It features several faint, light blue circular patterns that resemble stylized orbits or paths. Some of these circles have small arrows indicating a direction of movement. A prominent circular scale with numerical markings from 140 to 260 is visible on the left side. A red rectangular frame is positioned in the center-right of the slide, enclosing the main title text.

FASAL KEDUA: CIRI-CIRI UMUM YANG TIDAK MENYENTUH ISI AKIDAH

PENAMAAN “MAZHAB ASY’ARI”

- Penamaan mazhab ini sebagai “Mazhab Asy’ari” tidaklah bererti Imam Abul Hasan al-Asy’ari orang yang mula-mula menyusun akidah yang harus diimani. Sebaliknya ia bererti beliau adalah penyusun metodologi pendalilan secara akal dan naql yang digunapakai oleh Ahlussunnah Wal Jamaah.
- Hal ini sama seperti penamaan “mazhab Syafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi”. Ia bukan bererti para imam ini orang pertama menjadikan fiqh atau yang pertama meletakkan hukum-hakam. Tetapi ia bererti merekalah yang menyusun asas-asas metodologi pendalilan hukum syara’.
- Oleh itu, makna “mazhab Asy’ari” adalah mazhab yang mengikut manhaj Imam Asy’ari dalam mempertahankan akidah dan menetapkan nya berdasarkan dalil yang diyakini.

PEMBAHAGIAN AHLUSSUNNAH

Ahlussunnah Wal Jamaah

Asya'irah

Maturidiyyah

Ahli ta'wil

Ahli tafwidh /
mazhab salaf

70
180
10

220

230

240

250

260

KAEDAH MENDEPANI SIFAT KHABARIYYAH

Manhaj Imam Sanusi seperti yang dapat dilihat dalam karya beliau yang berjudul Ta'wil Musykilat al-Bukhari

Mentakwil kesemua sifat ini tanpa mengira sama ada pendengar adalah seorang alim atau orang awam

Mentafwidh kesemua sifat ini tanpa mengira sama ada pendengar adalah seorang alim atau orang awam

Mentakwil makna sifat ini bagi orang alim dan orang yang mampu memahaminya, tetapi mentafwidh maknanya bagi orang awam

Manhaj kebanyakan para sufi dari kalangan Asya'irah seperti Syeikh Abu Madyan al-Ghauth

Manhaj Imam Ibn Abi Zaid al-Qayrawani yang mentafwidh dalam risalah beliau tetapi mentakwil dalam karya yang dikarang untuk ulama'. Begitu juga Syeikh Zarruq yang mentafwidh dalam Uddatul Murid tetapi mentakwil dalam karya yang ditulis untuk ulama'. Begitu juga Imam al-Ghazali

MANHAJ MAZHAB ASY'ARI SECARA UMUM

MANHAJ MUTAQADDIMIN

- Tokoh utamanya adalah Imam al-Baqillani.
- Beliau menyusun dalil-dalil akal yang dinyatakan oleh Imam Asy'ari dan membentuk kaedah-kaedah seperti:
 - العرض لا يبقى زمنين
 - بطلان الدليل يؤذن ببطلان المدلول

MANHAJ MUTAAKHIRIN

- Dipelopori oleh Imam al-Ghazali, seterusnya ar-Razi, al-Amidi, al-Baydhawi, al-Iji, al-Taftazani dan al-Dawwani.
- Menggunakan qiyas mantiq dan mencampurkan perbahasan falsafah.
- Penulisan sebegini sesuai untuk orang yang ingin mengetahui berbagai mazhab fahaman dan kepelbagaian bentuk penghujahan.

MANHAJ BERSEPADU

- Dipelopori oleh Imam Ibn 'Arafah.
- Beliau menggabungkan manhaj mutaqaddimin dan manhaj mutaakhirin.
- Hal ini ditegaskan oleh beliau sendiri dalam karya agung beliau berjudul al-Muktasar al-Shamil Fi Usul al-Din.


- Kerana inilah banyak ijthihad dan ikhtiyarat kalamiyyah dalam mazhab ini.
- Seorang mutakallim asy'ari memegang sesuatu pendapat berdasarkan dalil yang sahih, tanpa melihat siapakah yang sepakat atau bercanggah pendapat dengannya dalam masalah tersebut.
- Contohnya, Imam Ibn al-Hajib bercanggah pendapat dengan jumhur Asya'irah dalam hal berkenaan hakikat zat Allah. Beliau berkata:

"ولا تعرف حقيقة ذاته على الأصح، خلافا للجمهور."

MAZHAB ASY'ARI TIDAK MENGKAFIRKAN AHLI BID'AH YANG SALAH DALAM TAKWILAN DAN PEMAHAMAN ISU-ISU AKIDAH

Imam Sanusi menukilkan kata-kata sebahagian ulama' muhaqqiqin dalam Syarh al-Muqaddimat: "Hal yang menjadi kewajiban adalah tidak mengkafirkan ahli takwil (iaitu orang yang mentafsirkan dalil naqli sesuai bid'ah dan mazhabnya yang salah). Sesungguhnya menghalalkan darah orang Islam yang mentauhidkan Allah adalah perkara yang bahaya. Tersalah meninggalkan seribu orang kafir lebih baik dari tersalah menumpahkan secawan darah orang Islam."

Hal ini jelas melalui pendapat mereka yang dalam perbahasan perbuatan para hamba contohnya. Mereka tidak cenderung ke arah jabariyyah dan tidak pula ke arah qadariyyah. Begitulah akidah Asy'ariyyah, sentiasa berada di tengah-tengah antara dua penghujung yang ekstrim.



BAHAGIAN KEDUA: CIRI-CIRI KHUSUS MAZHAB ASY'ARI



CIRI KHUSUS PADA PEMBAHAGIAN SIFAT-SIFAT ALLAH

- Telah lalu dinyatakan bahawa sifat-sifat Allah boleh dibahagikan kepada 4 kategori.
- Terdapat sebahagian Asya'irah yang menambah kategori kelima iaitu Sifat Af'al seperti al-Raziq dan al-Khaliq.
- Ada juga yang menambah kategori yang keenam iaitu Sifat Jami'ah (الصفات الجامعة) seperti al-Mutakabbir dan al-Jabbar. Ia dinamakan Sifat Jami'ah kerana sifat-sifat ini boleh diletak di bawah mana-mana kategori yang telah dinyatakan sebelum ini atau boleh diletakkan dalam dua kategori atau lebih.
- Ini adalah contoh ciri khusus mazhab Asy'ari. Ciri-ciri khusus yang akan dinyatakan setelah ini akan dinyatakan dalam 2 fasal seperti berikut:

FASAL
1

Ciri-ciri khusus
mazhab Asy'ari
sesuai geografi

FASAL
2

Ciri-ciri khusus
mazhab Asy'ari
sesuai zaman

- Di Maghribi khususnya, kita dapat melihat kesepaduan tiga ilmu; Akidah, Fiqh dan Tasawwuf.
- Ketika timur dunia Islam lemas dalam perbahasan falsafah dan teori-teori ilmu Kalam, didapati barat dunia Islam berjaya mengharmonikan tiga elemen ini dan menggunakannya sebagai kaedah universal bagi memahami Islam dan mendepani masalah ummah.
- Mereka telah menjadikan ilmu kalam sebagai senjata memerangi mazhab akidah yang sesat. Mereka juga mewajibkan kesatuan mazhab fiqh iaitu mazhab maliki agar ummat dapat bersatu dan tidak berpecah belah. Hal ini dapat dilihat pada usaha Syeikh Abu Imran al-Fasi contohnya.

CIRI KHUSUS SESUAI GEOGRAFI

Syeikh Ahmad Zarruq al-Fasi merupakan salah seorang tokoh yang berjaya merialisasikan kesepaduan 3 ilmu ini. Beliau berkata dalam karyanya yang berjudul Qawaid Tasawwuf:

"...Kerana faqih mengambil kira hal yang dapat menghilangkan kesusahan (ما يسقط به الحرج) dan memilih hal yang paling jelas. Sufi dan ahli warak pula melihat hal yang dapat memberikan kesempurnaan, menguatkan keyakinan, dan berusaha mendapatkan yang terbaik. Manakala usuli (ahli kalam) mengambil kira hal yang mengesahkan pegangan. Kesemua golongan berada di atas kebenaran, walaupun sebahagian daripada mereka lebih benar berbanding yang lain."



ILMU
KALAM
(USUL)

ILMU
FIQH

ILMU
TASAWWUF

- Hal yang sama juga dinyatakan oleh Imam Ibn 'Asyir dalam nazam beliau:

في عقد الأشعري وفقه مالك ... وفي طريقة الجنيد السالك

- Begitu juga Imam Ahmad al-Maqqari menyebut dalam nazam Idho'ah al-Dujunnah Fi I'tiqad Ahlissunnah:

يقول أحمد الفقير المقرئ ... المغربي المالكي الأشعري

- Lafaz الفقير di sini jelas menunjukkan kehadiran nafas tasawwuf dalam tradisi Maghribi di samping ilmu fiqh Maliki dan akidah Asy'ari

- Imam al-Jazuli didapati membahagikan tauhid kepada 3 peringkat:
 - Peringkat rendah: tauhid berdasarkan pemerhatian (النظر) dan istidlal yang dapat mengeluarkan seseorang dari taqlid.
 - Peringkat pertengahan: tetap di atas jalan tauhid setelah jelas kesemua dalil dan bukti-bukti.
 - Peringkat tinggi: membuktikan kewujudan makhluk dengan berdalilkan kewujudan Allah.
- Imam al-Habthi al-Soghiri pula mengumpulkan peringkat pertama dan kedua dalam kategori yang dinamakan sebagai "keadaan ahli dalil dan bukti", manakala peringkat ketiga pula disebut sebagai "keadaan ahli musyahadah dan 'iyan (العيان)". Hal ini dinyatakan dalam karya beliau Kanzu al-Sa'adah.

CIRI KHUSUS SESUAI GEOGRAFI

- Imam al-Jazuli menyatakan dalam risalah akidah beliau:
"Jika ada yang bertanya kepadamu: apakah itu ilmu yaqin, ainul yaqin dan haqqul yaqin? Maka jawabannya hendaklah engkau katakan: ilmu yaqin adalah nazhar dan istidlal setelah keluar dari kegelapan taqlid. Ini kerana taqlid dalam masalah iman adalah syak, manakala nazhar dan istidlal adalah yaqin. Ainul yaqin adalah tetap pada jalan iman dengan sebab dalil-dalil yang jelas dan bukti-bukti yang pasti. Haqqul yaqin pula adalah menjadikan Pencipta sebagai bukti atas kewujudan ciptaanNya. Maqam yang pertama adalah tauhid. Yang kedua adalah tajrid. Maqam yang ketiga pula adalah tafrid."

- Imam al-Sanusi dalam Umm al-Barahin bermula dengan menjelaskan bukti-bukti sifat-sifat Allah sesuai neraca ahli dalil dan Burhan. Namun, setelah itu beliau mengisyaratkan di penutup kitab ini bahawa dalil-dalil yang dinyatakan tersebut tidak lain tidak bukan adalah perantaraan untuk menuju maqam yang lebih tinggi iaitu maqam ahli musyahadah. Beliau berkata:

"فعلى العاقل أن يكثر من ذكرها (أي لا إله إلا الله محمد رسول الله) مستحضرا لما احتوت عليه من عقائد الإيمان حتى تمتزج مع معناها بلحمه ودمه. فإنه يرى لها من الأسرار والعجائب -إن شاء الله تعالى- ما لا يدخل تحت حصر."

- Beliau menyatakan dalam syarahannya bahawa antara kelebihan orang yang melazimi zikir ini adalah mendapat akhlak yang baik dan karamah yang menarik adat.

- Imam al-Jazuli dalam Dalail Khayrat pula didapati menzahirkan pandangan akidah beliau seperti yang berikut:
 1. Mengolah selawat sesuai pandangan Asya'irah yang mengatakan bahawa iradah Allah menentukan segalanya, dan makrifah adalah syarat sah iman, seperti kata-kata beliau: اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما خصصته إرادتك... اللهم امنن علينا بصفاء المعرفة وهب لنا صحيح المعاملة بيننا وبينك على السنة والجماعة
 2. Kewujudan banyak istilah-istilah ilmu Kalam seperti yang dinyatakan di atas dan seperti istilah Zat, Ilm, Qudrah, al-Baqi dan lain-lain.
 3. Mempertahankan Ahlussunnah Wal Jamaah seperti kata-katanya: طهر قلوبنا من كل وصف يباعدنا عن مشاهدتك ومحبتك، وأمتنا على السنة والجماعة

4. Menyentuh perbahasan sifat zat, sifat ma'ani dan sifat salbiyyah, seperti kata-katanya:

- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما أحاط به علمك"
- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما أحصاه كتابك"
- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما نفذت به قدرتك"
- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما توجه إليه أمرك ونهيك"
- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما وسعه سمعك"
- "اللهم صل على سيدنا ومولانا محمد عدد ما أحصاه بصرك"
- "أسألك يا نور النور قبل الأزمنة والدهور، أنت الباقي بلا زوال، الغني بلا مثال، القدوس الظاهر، العلي القاهر، الذي لا يحيط به مكان ولا يشتمل عليه زمان."

CIRI KHUSUS SESUAI ZAMAN

SEBELUM
DAULAH
MURABITHIN

SELEPAS
DAULAH
MURABITHIN


DAULAH
MUWAHHIDIN

DAULAH
MARINIYYIN

MARHALAH
ALAWIYYIN

MARHALAH
SA'DIYYIN

DAULAH
WATTHASIYYIN



SEBELUM DAULAH MURABITHIN

Ilmu Kalam digunakan untuk melawan ahli bid'ah dan mempertahankan mazhab Maliki.

Hanya berlaku pembatalan hujah terhadap golongan Rafidhah, mazhab 'Ubaydiyyin, Murji'ah, Qadariyyah dan Mu'tazilah.

CIRI KHUSUS SESUAI ZAMAN

SELEPAS DAULAH MURABITHIN

Mazhab ahli Taslim dan Tafwidh menguasai tanah Maghribi dan menjadi pegangan umum negara dan masyarakat.

DAULAH MUWAHHIDIN

- Melawan falsafah dan ahlinya, seperti kitab Radd Ibn Bazizah 'ala Manahij Adillah, Lubab al-'Uqul oleh al-Muklati, dan al-Tamhis (التمحيص) oleh Ibn Arabi al-Ma'afiri.
- Membasmi tinggalan-tinggalan akidah sesat seperti radd terhadap akidah Mu'tazilah dalam tafsir al-Kasysyaf. Sebagai contoh, kitab al-Tamyiz yang dikarang oleh Muhammad al-Sakuni walaupun tidak siap.
- Memberi peringatan dan membetulkan perkataan yang banyak disebut oleh orang awam tetapi membawa makna yang salah, seperti dalam kitab Lahn al-'Ammah wa al-Khassah fi al-Mu'taqadat.

DAULAH MARINIYYIN

- Kemunculan gerakan menentang hujah agama yahudi dan Nasrani seperti kitab “Risalah al-Sa’il wa al-Mujib wa Raudhah nuzhat al-Adib” oleh Muhammad al-Ansari al-Andalusi, “Munazharah Haula ‘Umum al-Risalah al-Nabawiyyah” oleh Sa’id al-“uqbani al-Tilimsani.
- Usaha membetulkan kesalahan akidah orang awam melalui proses menyiapkan kitab al-Tamyiz oleh cucu pengarang yang bernama Umar al-Sakuni.
- Membasmi tinggalan akidah muktazilah seperti kitab “Mukhtasor Fi Usuliddin” oleh Umar al-Sakuni, Hasyiyah tafsir Zamakhsyari oleh Ibn al-Banna’ al-Murakusyi.

DAULAH WATTHASIYYIN

Menggunakan ilmu mantiq sebagai alat memahami dan menyusun hujah ilmu Kalam seperti yang dilakukan oleh Imam al-Sanusi dalam karya-karyanya akidah beliau. Beliau juga mengarang dalam ilmu mantiq.

Menghidupkan madrasah Asy'ariyyah melalui budaya jidal dan munazharah seperti yang dilakukan oleh Abdullah al-Habthi dan Muhammad bin Ali al-Kharrubi.


DAULAH SA'DIYYIN

Penulisan akidah berlegar sekitar karya Imam al-Sanusi sama ada melalui cara mensyarah, mengomentari, meringkas, menyusun nazham, atau mensyarahkan nazam tersebut.

Membetulkan salah faham pada zaman sebelumnya seperti kitab Kasyfu al-Ghitha' 'an ma Waqa'a fi Haqiqat al-Ilah min al-Khatha' oleh al-Habthi al-Soghir.

DAULAH ALAWIYYIN

- Meneruskan manhaj akidah Asy'ariyyah.
- Pengajaran dan pembelajaran lebih banyak dari penulisan.
- Al-Walid Ibn al-Arabi al-Iraqi menyebut dalam kitab beliau Durrun Nafis bahawa beliau telah memperoleh banyak faedah melalui pengajian akidah dari gurunya yang bernama Idris Bin Zayyan al-'Iraqi al-Husayni.
- Beliau juga mempelajari ilmu akidah dari gurunya Abu Abdillah Muhammad bin Abi Bakar bin Abi Muhammad Abdul Karim al-Yazighi. Beliau juga menyatakan bahawa beliau mendapat banyak manfaat dari gurunya ini yang tidak didapati dari orang lain.

The background of the slide features a dark blue field with several light blue circular elements. These include concentric circles, dashed lines, and arrows indicating clockwise or counter-clockwise rotation. Some of these circles have numerical markings around their perimeters, such as 140, 150, 160, 170, 180, 190, 200, 210, 220, 230, 240, 250, and 260.

BAHAGIAN KETIGA: CIRI-CIRI SEPARA MAZHAB ASY'ARI

CIRI SEPARA

- Telah dinyatakan sebelum ini bahawa mazhab Asy'ari adalah mazhab yang menjadikan dalil sebagai sesuatu keutamaan tanpa melihat diri orang yang menggunakan atau yang mengucapkan dalil tersebut.
- Boleh jadi dalam suatu keadaan, dalil yang menyokong sesuatu pendapat sama kuatnya dengan dalil yang menyokong pendapat lain. Hal ini menyebabkan berlaku perbezaan pendapat dalam madrasah Asy'ariyyah itu sendiri.
- Ijtihad-ijtihad kalami atau ikhtiyarat kalamiyyah ini boleh berlaku di antara dua pihak yang lebih kurang jumlah yang menyokong kedua-dua belah pandangan,
- Boleh jadi segolongan dianggap minoriti manakala segolongan lagi adalah majoriti,
- Boleh jadi juga pendapat itu hanya dipegang oleh seorang tokoh sahaja manakala ahli mazhab yang lain kesemuanya berpendapat dengan satu pendapat yang lain.

CIRI SEPARA

Di sini, akan dinyatakan dua contoh bagi ciri-ciri separa ini:

- Asya'irah menganggap sifat Idrak merupakan sifat yang kembali kepada Ilm. Namun Imam al-Juwaini menetapkan sifat Idrak bagi Allah Taala. Pendapat beliau ini diikuti oleh Ibn Sabiq al-Shiqilli dan al-Salaliji dari kalangan ulama barat dunia Islam. Imam al-Salaliji berkata:

"إدراك لجميع المشمومات من غير شم، وإدراك جميع المذوقات من غير ذوق، وجميع الملموسات من غير لمس."

- Asya'irah berpendapat bahawa sifat qidam dan baqa' adalah sifat salbiyyah. Namun ada sebilangan kecil tokoh Asya'irah yang menganggap kedua-dua sifat ini adalah sifat nafsiyyah. Tetapi pendapat ini adalah pendapat yang lemah kerana jika ia sifat nafsiyyah nescaya tidak dapat difahami zat Allah tanpa memahami memikirkan makna qidam dan baqa'.

PENUTUP



- Apa yang dinyatakan dalam perbentangan ini hanyalah sebahagian kecil dari contoh-contoh ciri mazhab Asy'ari. Terdapat banyak lagi yang tidak dinyatakan seperti:

الوجود عين الوجود، الكلام القديم هو الكلام النفسي الذي ليس بحرف ولا صوت، رؤية الله تعالى....

- Setiap satu daripada akidah Asy'ariyyah dapat dianggap sebagai ciri mazhab ini. Begitu juga setiap kaedah pendalilannya. (أصول الاستدلال وقواعده).
- Mazhab Asy'ari adalah gambaran hakiki ciri-ciri Ahlussunnah tidak kira dari golongan ahli ta'wil atau ahli tafwidh, maturidiyyah, sufiyyah atau selainnya.